

TARIKH	26 / 9 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	12	RUANGAN	Setempat

PM nasihat jaga kesihatan

Najib juga berdoa agar semua jemaah peroleh haji mabrur



Lambaian Kaabah

>>Oleh Hairulazim Mahmud
azim@hmetro.com.my

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak mahu semua jemaah haji Malaysia menjaga keselamatan sepanjang musim haji di Tanah Suci.

Perdana Menteri turut menasihatkan bakal haji memastikan tahap kesihatan mereka pada paras terbaik bagi membolehkan mereka menjalani ibadat

berkenaan tanpa sebarang masalah.

"Jemaah haji Malaysia dinasihatkan supaya menjaga keselamatan dan kesihatan diri dengan baik sepanjang beribadah di Tanah Suci.

"Saya berdoa semoga jemaah haji Malaysia memperoleh haji mabrur," kata beliau dalam twitternya semalam.

Sebelum ini Tabung Haji menasihatkan bakal haji tidak mendedahkan diri kepada kepanasan cahaya matahari yang melampau di Tanah Suci berikutan cuaca panas yang mampu mencecah sehingga 44 darjah selsius.

Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman

berkata, jemaah perlu berhati-hati supaya tidak terlanjut terdedah kepada cuaca panas, terutama semasa hendak ke masjid dan membeli-belah.

Beliau turut menasihatkan semua bakal haji yang masih berada di Malaysia supaya membawa bekalan ubat secukupnya.

Beliau yang juga Pengerus Besar Kanan Haji Tabung Haji berkata, bakal jemaah haji di Malaysia juga diminta berehat dan tidur secukupnya kerana beliau mendapati ada di kalangan mereka yang tiba di Tanah Suci mengalami masalah kurang tidur dan menerima gangguan emosi, fikiran dan sebagainya.

Beliau juga mengingatkan jemaah haji supaya

menjaga keselamatan diri mereka kerana bilangan mereka sangat ramai dan mereka perlu bergerak dalam kumpulan untuk mengelak tersesat.

Sehingga kelmarin, seramai 7,535 jemaah atau 28 peratus daripada jumlah keseluruhan 28,000 bakal haji tiba di Tanah Suci melalui Madinah dan Jeddah dan mula masuk ke Makkah semalam.

Jumlah jemaah haji Malaysia meningkat 2,000 orang tahun ini kepada 28,000 tahun ini berbanding 26,000 tahun lalu berdasarkan kuota ditetapkan Arab Saudi sebanyak satu peratus daripada jumlah keseluruhan penduduk sesebuah negara.